Bank Pilihan Anda

**HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK**

| | |
|---|---|
| **Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan produk Jaminan Bank-i. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat bagi produk ini. Dapatkan penjelasan sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma amnya.** | **BANK RAKYAT**<br>**JAMINAN BANK-i (BG-i)**<br>**Pakej:** ________________________<br>**Tarikh:** ________________________ |

## 1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

Jaminan Bank- i (BG-i) adalah satu kemudahan yang diberikan oleh Bank hanya untuk tujuan dan aktiviti yang patuh Syariah sahaja, sebagaimana suatu aku janji untuk membayar benefisiari Jaminan Bank-i (BG-i) sejumlah wang yang dipersetujui jika pelanggan tidak ataupun lalai dalam memenuhi tanggungjawab mereka di bawah terma-terma dan syarat-syarat kontrak atau perjanjian yang dibuat dengan benefisiari.

## 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Jaminan Bank-i adalah tertakluk kepada prinsip *Kafalah bil Ujrah* yang merujuk kepada kontrak jaminan atau jaminan yang diberikan oleh satu pihak (Bank) untuk melunaskan liabiliti pihak ketiga jika mereka lalai dengan pembayaran untuk manfa'ah iaitu bayaran untuk sesuatu perkhidmatan.

## 3. Apakah yang saya akan peroleh melalui produk ini?

Jaminan Bank-i membolehkan pelanggan berurusan di dalam aktiviti-aktiviti perniagaan di mana rakan niaganya memerlukan jaminan tersebut.

## 4. Apakah tanggungjawab saya?

Pelanggan bertanggungjawab untuk melaksanakan sepenuhnya kontrak di mana Bank telah memberikan jaminan ke atasnya.

## 5. Apakah caj lain yang perlu dibayar?

Semua kos dan caj yang berkaitan dengan kemudahan ini adalah ditanggung oleh pelanggan.

| Jenis Fi/Caj | Kadar/Kos |
|---|---|
| Pengeluaran | Seperti di dalam Surat Tawaran, 0.05% sebulan atau min RM50 (mana yang lebih tinggi) |
| Pindaan | *Peningkatan nilai dan/atau pelanjutan tarikh tamat tempoh:*<br>Seperti di dalam Surat Tawaran, 0.05% sebulan atau min RM50 (mana yang lebih tinggi)<br>Lain-lain: RM50 |
| SWIFT | *Pengeluaran:* Tempatan RM50 Asing RM75<br>*Lain-lain:* RM25 |
| Duti Setem | Kos sebenar |
| Perbelanjaan am (penghantaran) | Kos sebenar |

*Formula untuk komisen* : C = FV x R x T / 36500

C : Komisen yang perlu dibayar (sewaktu dikeluarkan dan/atau pindaan dilakukan)
FV : Nilai Muka / Amaun Jaminan
R : Kadar Komisen (seperti di dalam Surat Tawaran)
T : Tempoh Jaminan

## 6. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab?

- Sekiranya terdapat apa-apa tuntutan keatas jaminan, pelanggan boleh memilih untuk membuat bayaran penuh atau memohon pembiayaan jangka pendek dari pihak Bank. Bank mempunyai hak untuk menuntut bayaran sepenuhnya keatas nilai jaminan atau untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap kegagalan pelanggan dalam bayaran semula pembiayaan. Semua kos berkaitan akan ditanggung oleh pelanggan.
- Semua terma dan syarat lain seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.

## 7. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Polisi Kargo Marin mengikut persetujuan di antara pembeli dan penjual (jika berkenaan)

## 8. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?

- Apabila menerima tuntutan daripada benefisiari berpunca daripada kegagalan pelanggan untuk memenuhi tanggungjawab ini, Bank akan mengesahkan kesahihan tuntutan jaminan sebelum membuat sebarang pembayaran. Bank juga boleh mencairkan segala bentuk cagaran dari pelanggan untuk melakukan bayaran yang dituntut oleh pihak yang menuntut. Segala kos yang berkaitan akan ditanggung oleh pelanggan.
- Semua terma dan syarat lain seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran.

| **9. Di manakah saya boleh memperolehi maklumat lanjut?** | **Sebarang cadangan dan pertanyaan anda boleh disalurkan ke:** | **Anda boleh membuat aduan dengan menghubungi:** |
|---|---|---|
| Sila layari<br>www.bankrakyat.com.my | Jabatan Pembiayaan Perdagangan<br>Level 28 Menara 1<br>Menara Kembar Bank Rakyat<br>No. 33 Jalan Rakyat<br>KL Sentral<br>50470 Kuala Lumpur<br>Tel: 03-26129600 (talian umum)<br>E-mel:<br>trade@bankrakyat.com.my<br><br>atau<br><br>Bahagian Perbankan Perniagaan<br>Level 26 Menara 1<br>Menara Kembar Bank Rakyat<br>No. 33 Jalan Rakyat<br>KL Sentral<br>50470 Kuala Lumpur<br>Tel: 03-26129600 (talian umum) | Biro Pengaduan Awam<br>Khidmat Pelanggan, Menara 1<br>Menara Kembar Bank Rakyat<br>No. 33 Jalan Rakyat<br>KL Sentral<br>50470 Kuala Lumpur<br>Tel: 1-300-80-5454<br>Laman Web:<br>www.bankrakyat.com.my/enquiries-feedback<br><br>atau<br><br>Hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:<br>Blok D, Bank Negara Malaysia,<br>Jalan Dato 'Onn,<br>50480 Kuala Lumpur<br>Tel: 1-300-88-5465<br>Faks: 03-21741515<br>E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my |

| 10. Lain-lain produk Pembiayaan Perdagangan yang ditawarkan. |
|---|
| • Surat Kredit-i<br>• Surat Kredit Eksport-i<br>• Surat Kredit Eksport Pengesahan-i<br>• Pungutan Bil Import-i<br>• Pungutan Bil Eksport-i<br>• Pembiayaan Bil Eksport-i<br>• Pembiayaan Bil Kredit Eksport-i<br>• Pembiayaan Perdagangan *Tawarruq*<br>• Pembiayaan Modal Kerja *Murabahah*<br>• Jaminan Perkapalan-i |
| **NOTA PENTING:**<br>• **TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT BAYARAN SECARA TETAP.**<br>• **HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK MESTI DIBACA, DIFAHAMI, DITERIMA DAN PERLU DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN.**<br>• **PRODUK INI TELAH MENDAPAT KELULUSAN JAWATANKUASA SHARIAH PADA 25hb JUN 2015.**<br>• **MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM HELAIAN PENDEDAHAN INI SAH PADA ATAU SEHINGGA __________.** |